



31 Julai 2013

Semua Hakim / Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi Malaya
Seluruh Semenanjung Malaysia

Semua Hakim Mahkamah Sesyen
Seluruh Semenanjung Malaysia

Semua Majistret Kanan / Majistret
Seluruh Semenanjung Malaysia

Semua Timbalan Pendaftar / Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Seluruh Semenanjung Malaysia

Semua Pendaftar Kanan / Penolong Pendaftar
Mahkamah Rendah
Seluruh Semenanjung Malaysia

YA-YA Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

ARAHAN AMALAN HAKIM BESAR MALAYA BIL. 3 TAHUN 2013

TEMPOH MENYEDIAKAN PENGHUJAHAN BAGI KES JENAYAH

Setelah berunding dengan YAA Ketua Hakim Negara, adalah diarahkan semua Yang Arif Hakim / Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Malaya, Hakim Mahkamah Sesyen, Majistret Kanan / Majistret, Timbalan Pendaftar / Penolong Kanan Pendaftar, Pendaftar Kanan dan Pendaftar Mahkamah Rendah seluruh Semenanjung Malaysia untuk memberikan tempoh tidak melebihi tujuh (7) hari bagi membolehkan pihak pendakwaan dan pihak pembelaan untuk menyediakan penghujahan setelah kes pendakwaan atau pembelaan selesai.

2. Walau bagaimanapun, tempoh ini boleh dilanjutkan ke satu (1) tempoh yang munasabah jika ia melibatkan kes-kes yang kompleks.

3. Ini adalah bertujuan memberi keadilan kepada semua pihak untuk menyediakan penghujahan dalam masa yang mencukupi. Ianya juga bertujuan untuk mengelakkan permohonan penangguhan tidak wajar dari mana-mana pihak setelah mereka menghabiskan kes.

4. Arahan ini berkuatkuasa mulai 15 Ogos 2013.



(TAN SRI DATO' SERI ZULKEFLI BIN AHMAD MAKINUDIN)
Hakim Besar Malaya

s.k:

YAA Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Tinggi Kuching
Jalan Gersik
93050 Petrajaya
KUCHING, SARAWAK

Semua Hakim Pengurus
Seluruh Semenanjung Malaysia

YBhg. Tan Sri Peguam Negara Malaysia
Jabatan Peguam Negara
No. 45, Persiaran Perdana
Presint 4
PUTRAJAYA

Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

Timbalan Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

Pendaftar
Mahkamah Rayuan Malaysia
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

Pendaftar
Mahkamah Rendah Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

Pengarah Mahkamah Negeri
Seluruh Semenanjung Malaysia

Pengarah
Bahagian Pengurusan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

Ketua
Bahagian Pentadbiran Kehakiman
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

Ketua
Bahagian Teknologi Maklumat
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

Pustakawan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

Pengerusi
Majlis Peguam Malaysia
No. 13, 15 & 17
Leboh Pasar Besar
50050 KUALA LUMPUR